

23 SEP 1997

Mahathir-Jerebu

PEMINDAHAN DI SARAWAK HANYA SATU TINDAKAN TERAKHIR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memindahkan secara-besar-besaran penduduk Sarawak hanya sebagai satu langkah akhir, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sedang masalah jerebu semakin teruk di negeri itu, melepasi tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU) 800.

"Ia masih merupakan satu daripada pilihan tetapi adalah sesuatu yang kita harus lakukan sebagai langkah akhir kerana terdapat kira-kira satu juta orang yang perlu dipindahkan. Ia tidak mudah untuk dilakukan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan satu perjanjian antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Automobiles Citroen of France dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd untuk membina kereta baru Proton berasaskan model Citroen yang ada.

Perdana Menteri berkata adalah juga sukar untuk mencari satu tempat bagi memindahkan penduduk kerana seluruh Sabah dan Sarawak terjejas dengan jerebu.

"Saya harus katakan bahawa tahap pencemaran di Sarawak telah meningkat melebihi 700 dan ini merupakan tahap yang amat berbahaya. Tetapi untuk membuat pemindahan, kita memerlukan satu tempat dan ini tidak mudah ditentukan.

"Jadi jika boleh, kita akan membuat pemindahan, jika tidak, kita perlu meminta orang ramai memakai topeng perlindungan pernafasan dan sebagainya dan tidak melakukan kegiatan di luar serta mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor," katanya.

Menteri Pengerangan Datuk Mohamed Rahmat yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara terdahulu hari ini berkata pemindahan besar-besaran itu mungkin perlu jika keadaan jerebu bertambah buruk.

IPU di Kuching mencapai tahap 839 pada pukul 11 pagi dan turun kepada 722 pada pukul 5 petang, masih jauh melebihi paras berbahaya 301. Hari ini adalah hari kelima Sarawak dalam keadaan darurat jerebu.

Dr Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa penyelesaian utama ialah membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan yang menjadi punca jerebu itu.

"Kita tidak dapat memadamkan sepenuhnya kebakaran itu tetapi sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan kebakaran di Indonesia dan asap daripadanya," katanya.

Satu kontinjen Malaysia seramai 2,000 orang termasuk anggota bomba dan kakitangan sokongan dijadual berlepas malam ini ke Sumatera dan Kalimantan, Indonesia bagi membantu memadamkan kebakaran hutan itu.

Sementara itu Duta Perancis ke Malaysia Edouard Braine yang turut hadir pada majlis itu berkata beliau menyampaikan cadangan-cadangan kerajaan Perancis kepada Dr Mahathir hari ini mengenai bagaimana menangani masalah jerebu.

"Saya hanya memberikan Perdana Menteri beberapa gambaran mengenai apa yang perlu dilakukan," katanya.

Duta itu berkata cadangan-cadangan berkenana dibuat berdasarkan pemerhatian pasukan Perancis selama empat hari di Malaysia minggu lepas selepas pihak berkuasa meminta bantuan Perancis.

Beliau enggan mendedahkan apa yang disampaikannya kepada Dr Mahathir dengan berkata satu lagi pasukan dari Paris akan tiba dalam beberapa hari lagi untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang diambil.

Braine berkata apapun tindakan yang akan dilakukan akan dibincangkan

dahulu dengan kerajaan Indonesia.

Terdahulu Dr Mahathir berkata beliau berharap usahasama itu akan menghasilkan pemindahan teknologi khusus untuk Proton-DRB dan boleh didapatkan oleh syarikat tempatan lain dan vendor yang berhasrat membekalkan komponen kereta.

"Selain Citroen kita telahpun mempunyai kerjasama dengan dua syarikat Jepun mengeluarkan saiz kereta berbeza dan kebanyakan projek itu telah terbukti menguntungkan," katanya.

Dalam pada itu Dr Mahathir berkata adalah malang bahawa dalam banyak perkara pengeluar kereta mendapat keuntungan daripada kerajaan yang tidak mengutip cukai tertentu.

"Dalam erti kata lain, apa yang merupakan keuntungan mereka ialah cukai yang tidak dikutip kerajaan," katanya.

Walaupun mereka diberikan layanan istimewa, Dr Mahathir berkata pengeluar kereta harus mendapatkan keuntungan atas kekuatan mereka sendiri.

"Hanya selepas itu kita boleh menganggap kita telah matang sebagai pengeluar otomobil," katanya. -- BERNAMA

MAM RON